

Headline	Keputusan rayuan KMC 31 Mei		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2017	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	37	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	137 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,785
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,355



Keputusan rayuan KMC 31 Mei

PUTRAJAYA 11 Mei - Mahkamah Rayuan hari ini menetapkan 31 Mei ini bagi keputusan rayuan sebuah pusat perubatan yang diperintah membayar ganti rugi dan kos berjumlah RM896,000 kepada seorang pesakitnya berhubung kecuaiannya membekalkan darah yang tercemar dengan HIV pada 2005.

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Alizatul Khair Osman Khairuddin yang bersidang bersama Datuk P. Nalini dan Datuk Zabariah Mohd. Yusof menetapkan tarikh itu selepas mendengar penghujahan, Kinta Medical Centre Sdn. Bhd. (KMC) selaku pihak perayu dan mangsa serta ibu bapanya yang dinamakan sebagai pihak responden.

KMC merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak pada 4 Februari tahun lalu

yang memerintahkannya membayar ganti rugi kerana cuai membekalkan satu unit darah yang tercemar dengan HIV.

Darah itu kemudian digunakan terhadap seorang pesakit lelaki yang dirawat di Hospital Fatimah, Ipoh akibat kemalangan jalan raya pada Mei 2005.

Hakim Datuk Samsudin Hassan mengarahkan KMC membayar ganti rugi am sebanyak RM750,000 dan ganti rugi khas RM96,000 kepada pesakit itu (plaintif) yang kini berusia 28 tahun dan menderita akibat dijangkiti HIV.

KMC yang diwakili sepasukan peguam diketuai oleh Datuk Bill Davidson juga diarahkan membayar kos sebanyak RM50,000.

Keterangan kes menyatakan, pada 22 Mei 2005 mangsa dipindahkan dari Hospital Seri

Manjung, Manjung ke Hospital Fatimah selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Ketika dirawat, mangsa menerima tiga unit darah yang dibekalkan oleh Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), KMC dan Hospital Fatimah pada 22 dan 25 Mei 2005.

Ujian darah pada 30 November 2005 mendapati lelaki itu positif HIV dan ibunya kemudian membuat aduan pada April 2006 kepada Jabatan Kesihatan.

Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan Kementerian Kesihatan selepas membuat siasatan dan kajian mendapati satu unit darah yang dibekalkan oleh KMC dan digunakan plaintif adalah tercemar dengan HIV.

Pihak responden diwakili peguam yang diketuai oleh V. Vijaya Segaran.